



Malam Mesra Medan Erat Hubungan

Oleh : SM Megat Nizar

Bandar Utama, 26 Mac 2011 - Malam Mesra sempena Peringatan Hari Polis Ke-204, telah berlangsung di One World Hotel, Bandar Utama, Petaling Jaya. Acara tradisi unggul itu merupakan medan mengeratkan hubungan.

Majlis beradat itu dimeriahkan dengan kehadiran Tan Sri Azizan Ariffin, Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan pegawai-pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia sebagai tanda keakraban antara kedua-dua pasukan dalam mempertahankan dan menjaga keamanan negara.

Turut hadir Dato' Seri Hishammudin Tun Hussien, Menteri Dalam Negeri dan Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia.

Majlis diserikan lagi dengan kehadiran bekas pemimpin tertinggi PDRM yang diketuai oleh Tun Mohamed Haniff Omar dan Tan Sri Mohd Bakri Hj. Omar.

"Acara Malam Mes dianjurkan merupakan acara tradisi dan merupakan medan mengeratkan hubungan silaturrahim, bukan sahaja sesama ahli pasukan, malahan dari Angkatan Tentera Malaysia".

"Pegawai-pegawai muda, boleh melihat sendiri keakraban antara mantan pucuk pimpinan dan yang sedang berkhidmat pada hari ini agar dijadikan contoh untuk memimpin pasukan di masa hadapan", kata Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara, ketika menyampaikan ucapan di majlis yang bersejarah itu.



Polis Wanita ASET PENTING KEPADA PDRM

Oleh : Kpl. Noorlidia Mamun

Bukit Aman, 4 Mac 2011-
"Sesungguhnya polis wanita amat menghargai dan terhutang budi kepada Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atas keprihatinannya memperakui dan seterusnya memberi sumbangan serta bantuan khas bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti polis wanita sehingga Program Pementoran Polis Wanita dapat direalisasikan sehingga siri ke-5",

"Program Pementoran Polis Wanita tersebut merupakan satu pendekatan untuk memberi bimbingan, sokongan dan bantuan secara profesional oleh mentor terlatih, berkemahiran dan beretika kepada mentri selari dengan Arahan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2005, iaitu Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam".

Demikian kata Dato' Robiah Abdul Ghani, Pengarah Pengurusan PDRM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Pembangunan Polis Wanita PDRM di Majlis Penutupan Kursus

Pementoran Polis Wanita Siri 5/2011, di Dewan Theatre, Menara 1 Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Menurut Dato' Robiah, sunggupun polis wanita hanya merupakan 10.8% (11,479 orang) daripada jumlah pegawai polis seramai 106,530 orang, akan tetapi tidak dapat dinafikan bahawa dalam beberapa bidang tugas polis, didapati polis wanita lebih mahir dan sesuai melakukan sesuatu tugas yang diamanahkan".

"Perkembangan, kedudukan dan pembangunan polis wanita dalam Pasukan juga tidak pernah diabaikan malah polis wanita adalah merupakan satu daripada agenda utama di bawah kepimpinan Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara, dan kebolehan polis wanita dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab sentiasa diyakini".

"Polis wanita bukan sahaja mempamerkan kualiti kerja yang amat cemerlang, malah berupaya dalam melaksanakan tugas yang amat mengagumkan", ujar Dato' Robiah yang merujuk kepada tugas pegawai polis wanita dalam pasukan elit PDRM.



Pelaksanaan

Program Pementoran Polis Wanita ini dapat memberi peluang kepada polis wanita untuk memiliki kelebihan persaingan yang mantap serta menggalakkan amalan pembelajaran berterusan di samping mengurus modal insan secara efektif dan menyeluruh tanpa mengabaikan elemen psikologi dan kemanusiaan.

"Saya merasa yakin dan percaya bahawa kursus pementoran yang dilaksanakan telah pun mencapai objektifnya dalam usaha melahirkan polis wanita yang progresif, dinamik dan responsif bagi menggerakkan sistem penyampaian perkhidmatan yang berpaksikan masyarakat, di samping memperkukuhkan semangat setia kawan dan kerjasama padu di kalangan polis wanita melalui perkongsian pengalaman, pendapat dan pengetahuan yang dimiliki", kata Dato' Robiah di majlis yang turut dihadiri oleh Dato' Zubaidah Md. Ismail, Timb. Pengarah I, Jabatan Logistik dan Puan Wan Hasmah Wan Mohd, Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita.

Kerjasama PDRM dan ATM

Oleh : L/Kpl. Sufian Arshad



Port Dickson, 18 Januari 2011 - Dato' Robiah binti Abdul Ghani Pengarah Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM), telah melakukan

lawatan kerja di Sesi Pendaftaran Pelatih Konstabel Siri 1/2011 di Pusat Latihan Asas Tentera Darat, Port Dickson (PUSASDA), Port Dickson, Negeri Sembilan.

Menurut Dato' Robiah, penempatan pelatih konstabel di pusat-pusat latihan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bertujuan meningkatkan bilangan keanggotaan pasukan polis disamping mewujudkan kerjasama bersepadu antara PDRM dan ATM.

"Latihan yang diberikan untuk merealisasikan proses transformasi daripada orang awam kepada budaya kepolisan, sejajar dengan misi latihan iaitu melahirkan tenaga manusia yang

berkeupayaan tinggi dan berwibawa bagi memenuhi tuntutan kepolisan moden selaras dengan dasar pembangunan negara ke arah wawasan 2020". "PDRM telah menasaskan untuk melahirkan anggota polis yang profesional seramai 150,000 orang menjelang tahun 2015", ujar Dato' Robiah di sesi lawatan itu.

Kata Dato' Robiah lagi, "kerjasama dua pasukan ini adalah titik permulaan kepada usahasama berterusan PDRM dan ATM dalam mempertahankan keselamatan negara dan keamanan yang dikecapi akan terus dinikmati secara berterusan."



Tingkatkan Penguasaan Ilmu Kaum Wanita

Oleh : Kpl. Noorlidia Mamun

Kuala Lumpur, 14 Mac 2011- “Melalui kenyataan yang dikeluarkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mensasarkan bahawa kaum wanita akan menguasai 55% daripada sektor pekerjaan menjelang tahun 2015. Berdasarkan trend semasa penglibatan golongan wanita dalam pembangunan negara, sekurang-kurangnya 30% daripada kumpulan pembuat keputusan adalah terdiri daripada kalangan wanita”.

“Sejajar dengan itu, untuk meningkatkan tahap profesional dan profesionalisme pegawai polis wanita, Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) Bukit Aman telah berjaya melaksanakan Program Pementoran Pegawai Wanita sebanyak 5 kali. Ia bagi memantapkan lagi kecemerlangan pegawai kanan polis, selaras dengan dasar pucuk pimpinan dan keperluan semasa”.

Demikian kata Dato' Robiah Abdul Ghani, Pengarah Pengurusan PDRM ketika Perasmian Seminar Mesyuarat Polis Wanita 2011.

Program mentor-menti yang diamalkan dalam PDRM telah banyak diamalkan dalam sektor korporat, pusat pengajian tinggi, sistem pengurusan di Jepun serta negara-negara maju. Secara ringkasnya, pementoran merupakan satu pendekatan untuk memberikan bimbingan, sokongan dan bantuan secara profesional oleh pegawai yang senior, berpengalaman dan terlatih kepada menti, iaitu pegawai bawahan baru yang perlukan bimbingan.

Antara objektif Program Pementoran Pegawai Polis Wanita ialah membimbing rakan polis wanita dalam pasukan, meningkatkan kemahiran dan kecekapan



dalam aspek personal, sosial dan kerjaya, membina keprihatinan tinggi di kalangan polis wanita, membudayakan kerja kelas pertama dan berprestasi tinggi, menerapkan amalan berterusan dan seterusnya meningkatkan imej dan reputasi polis wanita.

“Berdasarkan faedah-faedah yang dijangka hasil daripada program mentor dan menti itu, saya berpendapat usaha murni BAKA itu akan dapat diteruskan dan diperluaskan lagi kepada semua warga polis termasuk pegawai dan anggota lelaki”.

“Sudah sampai masanya imej PDRM dapat ditingkatkan lagi agar pasukan yang

kita sayangi ini bertaraf dunia dan dihormati kawan dan lawan. Syabas kepada BAKA Bukit Aman kerana telah memperkenalkan dan berjaya membudayakan pementoran di kalangan pegawai polis wanita PDRM”, ujar Dato' Robiah lagi.

Dato' Zaleha Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran), Dato' Yong Lee Choo, Penolong Pengarah Seksyen Penyelidikan dan Keurusetiaan Cawangan Khas dan Dato' Aishah Mohammad, Penolong Pengarah Perkhidmatan (Rekod Personal) adalah di antara pegawai tertinggi wanita yang hadir di majlis itu.

Jepun Serah 10 Bot Laju Kepada Pasukan Gerakan Marin

Oleh : SM Megat Nizar



Pasukan Gerakan Marin, yakin sumbangan berupa 10 bot laju, 40 teropong berteknologi tinggi, 40 teropong malam serta 60 unit radio mudah alih digital bernilai lebih RM10 juta menerusi Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) itu bakal memperkasakan lagi kecekapan tugas untuk mengawal sebarang ancaman di perairan negara.

Selain daripada bantuan tersebut PDRM turut mengadakan latihan bersama penugasan di laut dengan menghantar pegawai dan anggota, berlatih taktikal serta perkongsian maklumat dengan polis pantai Jepun di negara matahari terbit itu.



Pelabuhan Klang: 17 Mac 2011 Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyambut baik usaha kerajaan Jepun dalam membantu meningkatkan tahap keselamatan kawasan maritim terutama di perairan laluan kapal dagang tersibuk dunia sepanjang Selat Melaka yang dibuat menerusi geran bantuan projek menaik taraf peralatan kepada Pasukan Gerakan Marin.

Menurut Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara, PDRM, terutama

Taklimat Penilaian Baru Kompetensi Polis Diraja Malaysia

Oleh : L/Kpl Aslam Syir Khan

Bukit Aman, 11 Februari 2011 – Taklimat Penilaian Baru Kompetensi Polis Diraja Malaysia telah diadakan di Auditorium, Bahagian Latihan Bukit Aman.

Turut hadir Dato' Mortadza Nazarene, Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan)

Tujuan taklimat ini adalah untuk mendapatkan maklum balas daripada Jabatan, Formasi, Cawangan & Persatuan dalam organisasi PDRM, sebagai usaha merangka dan mewujudkan sistem penilaian baru yang komprehensif. Taklimat disampaikan oleh DSP Risikin Hj. Satiman, (DSP Perlaksanaan PTK DSP - ACP).



Pelancaran Kempen Anti Rasuah Peringkat PDRM

Oleh : L/Kpl Aslam Syir Khan



Kuala Lumpur, 2 Februari 2011 - Timbalan Ketua Urusetia KPN (Tatatertib), SAC Hashim Abdul Jalil mewakili Ketua Polis Negara (KPN) telah melancarkan Kempen Anti Rasuah Peringkat PDRM bertempat di Tol Jalan Duta seiring dengan Ops Sikap yang sedang dilaksanakan oleh Cawangan Trafik sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina.

PDRM sentiasa peka dalam usaha menangani rasuah di kalangan pegawai dan anggotanya dan objektif utama kempen ini dilancarkan adalah untuk memerangi gejala rasuah dalam pasukan polis.

Usaha dan kempen ini akan diteruskan sebagai langkah berterusan dalam memerangi rasuah sepertimana hasrat kerajaan seiring ke arah mempertingkatkan integriti PDRM, juga sebagai menyokong gagasan KPN - 'Protective, Proactive, People Oriented, dan Performance and Outcome Oriented'.

Majlis Pelancaran OPS Sikap ke-23



Petaling Jaya, 26 Januari 2011 - Ops Sikap ke-23 telah diadakan di Dewan Bankuet, Persada Plus.

Harapan CP Dato' Khalid Abu Bakar, Pengarah Jabatan KDN/KA berkenaan objektif utama Ops Sikap ke-23 mengharapakan usaha-usaha seperti

ini akan diteruskan pada masa akan datang demi memastikan matlamat untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini tercapai.

Menyentuh mengenai Ops Sikap ke-23, Dato' Khalid turut menjelaskan pada musim perayaan seperti Tahun Baru Cina, dijangkakan jumlah kenderaan yang lebih banyak di jalan raya dan ini menyumbang kepada peningkatan risiko berlakunya kemalangan. Sehubungan itu, PDRM sentiasa berusaha mengambil langkah sewajarnya dalam mengurangkan kadar kemalangan serta memastikan pengguna jalan raya sentiasa berhemah dan mematuhi undang-undang jalan raya.

Selain daripada itu, PDRM juga akan menggunakan 19 menara pemerhati polis untuk membuat pemantauan di jalan-jalan persekutuan

dan juga di lebuhraya serta mempertingkatkan rondaan penguatkuasaan trafik dan sekatan jalan raya dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Keselamatan Jalan-Raya, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam, PLUS, St. John Ambulance, Persatuan Bulan Sabit Merah, Miros dan lain-lain lagi.





Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan Pengurusan Polis Diraja Malaysia Bil. 1/2011

Oleh : L/Kpl Aslam Syir Khan

Kuala Lumpur, 24 Februari 2011 - Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan Pengurusan Polis Diraja Malaysia Bil. 1/2011 telah dirasmikan oleh CP Dato' Robiah Abd Ghani di Bilik Mesyuarat Pejabat Komandan Pulapol.

Turut hadir DCP Dato' Mortadza Nazarene, Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan), SAC Dato' Zaleha Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran) dan SAC Dato' Asri Yusoff, Timbalan Pengarah Pengurusan

(Perkhidmatan/ Perjawatan).

Mesyuarat ini membincangkan isu berkaitan perjawatan, isu berkaitan perkhidmatan, bayaran insentif Tugas Am (BITA) dan penyiasat, pelaksanaan dan perancangan HRMIS, cabaran dan halatuju BAKA PDRM, strategi Pusat Media PDRM, prosedur menangani kes kehilangan orang dan juga sesi dialog.



Ketua Polis Negara 'Turun Padang' Di Bandaraya Kuala Lumpur

Oleh : L/Kpl Aslam Syir Khan

Kuala Lumpur, 17 Februari 2011 - Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara telah meluangkan masa bermesra bersama orang ramai di sekitar jalan Bukit Bintang. Selaras dengan janji beliau untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar metropolitan yang maju dan selamat di mata dunia, beliau sendiri turut bertanyakan keadaan dan komen daripada individu secara peribadi.

Turut mengiringi beliau DCP Dato' Pahlawan Zulkifli Abdullah, Ketua Polis Kuala Lumpur, SAC Dato' Amar Singh s/o Ishar Singh, Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, SAC Dato' Ku Chin Wah, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, SAC Dato' Abdul Samah Haji Mat, Ketua Urusetia NKRA PDRM, SAC Dato' Razali Abd Razak, Ketua Jabatan Pengurusan IPK Kuala Lumpur, Pegawai-Pegawai Kanan Polis dan wakil-wakil media.

'Walkabout' Ketua Polis Negara merupakan buat julung kali diadakan sejak peralihan beliau pada September tahun lalu.



Hala Tuju Dan Tekad Integriti PDRM

Oleh : L/kpl Fansus Jangor.



Kuala Lumpur, 11 Februari 2011 - Bermula 13 September 2010 sehingga hari ini, genaplah 151 hari Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar menerajui Polis Diraja Malaysia. Beliau telah menetapkan beberapa agenda dan inisiatif untuk menentukan PDRM sentiasa relevan kepada situasi semasa dan dapat diterima oleh rakyat sebagai usaha mendokong aspirasi pucuk pimpinan kerajaan.

"Visi PDRM dalam tempoh 5 tahun akan datang adalah 'Agensi Penaraju Dalam Menjadikan Malaysia Negara Aman, Selamat dan Sejahtera' dan Misi PDRM adalah 'Memberi Perkhidmatan Profesional dan Berkualiti dalam melindungi Negara dan menjamin persekitaran yang selamat bagi masyarakat'".

Menurut beliau lagi, semasa mengambil alih tampuk peneraju PDRM, beliau telah membuat janji bahawa barisan kepimpinan PDRM akan berkerja berlandaskan bidang kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang dan menentukan PDRM terus memberi perkhidmatan terbaik bagi kesejahteraan seluruh rakyat dan Negara Malaysia.

Di majlis itu juga turut diadakan upacara menandatangani Usaha Sama Integriti Polis Diraja Malaysia dengan Institut Integriti Malaysia dan Arkib Negara Malaysia di

Auditorium IIM, Tingkat 2, Menara Integriti.

Majlis ini telah dihadiri oleh Y.Bhg Tan Sri Mohd Sidek Hj. Hassan, Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia, Y.Bhg Datuk Dr. Mohd Tap Salleh, Presiden Institut Integriti Malaysia, Y.Bhg Hajah Shamsiah Mohamad, Ketua Pengarah Arkib Negara, Y.Bhg Dato' Sri Kamaruddin Siaraf, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Deputi Inspektor Jeneral Datuk Hussin Hj. Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara, barisan Ahli Lembaga Pengarah IIM, Dato'-Dato' Pengarah PDRM serta Pegawai - Pegawai Kanan PDRM.



Perubahan Ke Arah Memperkasakan Pasukan Dan Pemantapan Integriti



Kubang Semang, Seberang Perai Tengah, 20 April 2011 - YDH Ketua Polis Negara dalam ucapannya menjelaskan bahawa sejajar dengan 'Government Transformation Plan' (GTP) yang digagaskan kerajaan, warga-warga PDRM sewajarnya mengambil kira intipati gagasan tersebut dalam penambahbaikan lahiriah dan jati diri seterusnya ke arah memperkasakan pasukan dan pemantapan integriti mereka. Perubahan ini menurutnya adalah menjurus kepada peningkatan

pemahaman serta mempraktikkan ilmu keagamaan, moraliti, sahsiah diri dan kualiti kepimpinan dalam setiap diri warga PDRM khususnya.

Dalam pada itu, beliau menggalakkan kerjasama berterusan di antara pihak polis dan masyarakat sekeliling dalam pembentukan suasana persekitaran komuniti yang selamat untuk didiami.

Beliau berucap semasa majlis jamuan makan di Madrasah Manabi'ul Ulum, Penanti sempena Program High Profile Policing & Walkabout bersama Ketua Polis Negara pada hari ini. Program 'Walkabout' yang mengambil tempat di sekitar Pekan Penanti, Kubang Semang mendapat sambutan di luar jangkaan oleh masyarakat setempat di mana mereka dapat melihat dengan lebih dekat tokoh kepimpinan PDRM tertinggi tersebut.

YDH Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar yang cukup dikenali dengan perwatakan mesranya turut melawat ke setiap kedai dan berinteraksi



dengan lebih dekat dengan orang ramai yang mana peluang ini jarang sekali diperolehi oleh penduduk di sini. Sesi 'Walkabout' ini disusuli dengan lawatan dan solat berjemaah bersama pelajar di Masjid Kubang Ulu, Kubang Semang dan penghujung program pada hari ini diakhiri dengan upacara penyampaian sumbangan kepada anak-anak penghuni Madrasah Manabi'ul Ulum, penyampaian cenderahati dan surat penghargaan kepada ketua-ketua komuniti sekitar Kubang Semang. Program pada petang ini turut dihadiri YDH DCP Dato' Wira Ayub Yaakob, Ketua Polis Pulau Pinang, YDH ACP Azman Abd Lah, Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Pegawai-Pegawai Kanan PDRM dan penduduk setempat.

Sistem Pemantauan Bandar Selamat: 1 Transformasi Ke Atas Police Reporting System (PRS)

Oleh : L/kpl Fansus Jangor.



Kuala Lumpur, 05 April 2011 - Majlis Pelancaran Sistem Pemantauan Bandar Selamat telah diadakan di Hotel Intercontinental Kuala Lumpur.

Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) telah dibangunkan secara kerjasama di antara PDRM, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Perancangan Bandar dan

Desa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ia direka bentuk untuk mengintegrasikan data jenayah dari Sistem Laporan Polis (PRS) dengan Program Bandar Selamat dan maklumat guna tanah dengan menggunakan Pelantar Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk memantau keberkesanan pelaksanaan langkah Program Bandar Selamat dalam membanteras jenayah jalanan di kawasan PBT. Selain itu ia juga bertujuan bagi mengenal pasti dan memantau kawasan 'hotspots' sedia ada dan berpotensi, corak jenayah, dan lokasi yang kerap berlaku jenayah. Oleh itu PDRM dan PBT kini dibantu secara produktif dalam usaha membanteras jenayah.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh YB Dato'



Wira Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara, YBhg. Dato' Ahmad Hj. Kabit, KSU KPKT, YBhg. Dato' Mohd Fadzil Hj. Mohd Khir, Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Ketua-ketua Polis Negeri, Pegawai-Pegawai Kanan PDRM, dan wakil media.

Berkongsi Tanggungjawab Pertahankan Keamanan Negara

Oleh : L/kpl Fansus Jangor.

Kuala Lumpur, 24 Januari 2011 - Ketua Polis Negara, Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Hj. Omar menjelaskan kerjasama bersama pasukan Polis Bantuan akan tetap diteruskan dalam mencapai penurunan indeks jenayah ke tahap minimum.

Berucap semasa Majlis Perjumpaan Bersama Ketua-ketua Agensi Polis Bantuan di Dewan Perdana Felda, Jalan Semarak, Kuala

Lumpur, beliau memperjelaskan istilah rutin, lumrah dan basi dalam penugasan polis sejak dulu adalah silap dan menegaskan bahawa ianya adalah tradisi penugasan yang masih relevan dan akan dikomprehensifkan mengikut keperluan dan kehendak semasa.

Sehubungan itu, beliau menyarankan pihak Polis Bantuan dapat duduk semeja atau di platform yang sama, mewujudkan komitmen dalam mencapai Misi dan Visi Polis Diraja

Malaysia (PDRM), seterusnya bersama-sama membantu mencapai objektif NKRA negara dalam pengurangan indeks jenayah.

Turut hadir dalam majlis tersebut, Timbalan Ketua Polis Negara, Deputy Inspektor Jeneral Datuk Hussin Hj. Ismail, Pengarah – Pengarah PDRM dan wakil agensi – agensi Polis Bantuan.



'High Profile Policing' Di Pasar Awam Ayer Hitam, Pulau Pinang

Oleh : L/kpl Fansus Jangor.



Ayer Hitam, Pulau Pinang - 20 April 2011 - "Saya menyeru kepada semua warga PDRM untuk meneruskan usaha-usaha dan konsep elemen 4P untuk menerangkan kepada rakyat, 'Kami Bersama Anda' dalam erti kata lain meyakinkan kepada orang ramai bahawa kita (PDRM) mampu menjamin keselamatan nyawa dan harta benda orang ramai," ujar Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara semasa Program 'High Profile Policing & Walkabout' bersama Ketua Polis Negara di Pulau Pinang.

Tambahnya lagi, "pelbagai usaha dan pendekatan telah diambil oleh PDRM, antaranya kerjasama dengan pelbagai jabatan awam dalam satu objektif menjamin keselamatan nyawa dan harta-benda orang ramai, juga penubuhan Unit Siasatan & Balai Polis Bergerak di sini yang berfungsi meningkatkan keupayaan dan kapasiti PDRM untuk mencapai objektif tersebut."

Beliau amat berbangga berikutan sambutan dan komitmen penduduk Pulau Pinang yang amat menggalakkan dalam program yang dilancarkan di Balai Polis Ayer Hitam hari ini di mana penyertaan daripada pelbagai kaum, peringkat dan lapisan masyarakat untuk menjayakannya.

Di akhir ucapannya, beliau menuntut semua warga PDRM bingkas membuang tohmahan daripada masyarakat, mengukuhkan integriti dan terus berkhidmat kepada rakyat.

Program ini menyaksikan Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara dan warga-warga PDRM menjalankan sesi 'walkabout' bersama komuniti sekitar Pasar Awam Ayer Hitam seterusnya merasmikan Unit

Siasatan Dan Balai Polis Bergerak di sini.

Program diakhiri dengan upacara penyerahan *Mobile Card Acceptance Device* (MCAD) berjumlah 1,008 unit kepada Kontinjen-Kontinjen PDRM dan penyerahan surat penghargaan kepada individu-individu yang banyak membantu PDRM membanteras jenayah setempat.

Turut hadir dalam program hari ini, DCP Dato' Wira Ayob Yaakob, Ketua Polis Pulau Pinang, DCP Dato' Ahmad Ibrahim, Ketua Polis Kedah, DCP Dato' Mohd Shukri Dahlan, Ketua Polis Perak, SAC Dato' Tajudin Md Isa, Ketua Polis Perlis, DCP Dato' Wira Muhammad Sabtu Osman, Timbalan Pengarah KDN/KA (Kepolisan/Pencegahan Jenayah), SAC Dato' Abdul Samah Mat, Ketua Urus Setia NKRA dan Pegawai-pegawai Kanan PDRM serta tetamu-tetamu jemputan.



Lawatan Wanita MCA ke Child Interview Centre (CIC)

Oleh : SM Megat Nizar

Kuala Lumpur, 16 Mac 2011 - "PDRM mewujudkan polisi 'child friendly' sebagai pendekatan khas dalam mengendalikan kes-kes sensitif melibatkan mangsa atau saksi yang terdiri daripada kanak-kanak."

"Pendekatan menggunakan kaedah menemubual kanak-kanak yang menjadi mangsa atau saksi untuk memberikan maklumat berkenaan sesuatu kes jenayah."

Demikian kata DSP Norisah Ab. Hamid, DSP Siasatan Kanak-Kanak, ketika menyampaikan taklimat kepada rombongan Wanita MCA Selangor yang melakukan lawatan ke pusat tersebut.

Rombongan Wanita MCA Selangor itu



diketuai oleh Senator Chew Lee Giok yang juga merupakan Setiausaha Agung Wanita MCA Kebangsaan.

Kata DSP Norisah lagi, "tidak seperti orang dewasa di mana keterangan lisan atau video mereka direkodkan di balai-balai untuk membantu siasatan, kaedah berbeza pula digunakan terhadap kanak-kanak."

"Keterangan kanak-kanak tersebut direkod

dalam bentuk rakaman video di mana sebelumnya mereka distimulasi dengan persekitaran yang 'mesra kanak-kanak' di sini".

"Kanak-kanak itu ditempatkan di ruang atau bilik-bilik khas yang dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan hiburan kanak-kanak bagi meneutralkan situasi psikologi mereka yang trauma dan terganggu dengan kejadian jenayah yang dialami.

"Tindakan selanjutnya kanak-kanak itu akan melalui proses rakaman dan hasilnya akan dirujuk ke mahkamah sebagai bahan untuk membantu proses pengendalian sesuatu kes jenayah itu", ujar DSP Norisah yang amat gembira dengan lawatan yang dilakukan oleh Wanita MCA yang telah melihat sendiri suasana pusat itu.

Sesi Percambahan Minda Ketua Polis Negara Bersama Mantan Pengurusan Tertinggi Polis Diraja Malaysia

Oleh: L/kpl Fansus Jangor



Bukit Aman, 10 Mac 2011 - "Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada seluruh rakyat dan mensasarkan pelan 5 tahun yang berteraskan inovatif dan kreatif, kolaborasi dan integriti, keutamaan kepada kajian dan penyelidikan bagi menghasilkan

pembaharuan dan penambahbaikan berterusan bagi memberi nilai tambah juga nilai teras seperti integriti, professional dan satu pasukan," ujar Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara.

Program sesi dialog ini turut dihadiri Mantan Ketua Polis Negara, Tun Mohamed



Hanif Omar, Tan Sri Mohd. Bakri Hj. Omar dan mantan Pengarah-Pengarah PDRM.

Tun Mohamed Hanif turut melahirkan sokongannya terhadap kepimpinan Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar dalam meneruskan legasi jawatan Ketua Polis Negara yang pernah disandangnya pada tahun 1974 sehingga tahun 1994.



Amanat KPN : Perkukuh Modal Insan, Integriti Dan Konsep 1 Malaysia

Oleh : L/kpl Fansus Jangor.



Kuala Lumpur - 14 Januari 2011, Ketua Polis Negara, Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar tegas dalam amanat beliau supaya integriti yang merupakan teras perkhidmatan PDRM ditanam kukuh di dalam setiap individu. Beliau mahu semua pegawai dan anggota memberi sepenuh komitmen dan sentiasa menunjukkan kesungguhan dalam memikul amanah yang dipertanggungjawabkan. Sikap toleransi dan mesra rakyat perlu disemai dan ditambah agar hubungan kedua-dua belah pihak bertaut dengan lebih mesra dan pasti usaha kerjasama yang lebih jitu dapat dilaksanakan. Selain itu, kehadiran pihak polis di kawasan-kawasan yang sering berlaku jenayah dan berada di tempat kejadian dalam waktu yang singkat akan dapat dipertingkatkan

agar rasa selamat dan kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan PDRM semakin menebal.

Amanat Ketua Polis Negara yang berlangsung di Dewan Sultan Hj. Ahmad Shah, Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur tersebut turut dihadiri Timbalan Ketua Polis Negara Deputy Inspektor Jeneral Datuk Hussin Hj. Ismail, Pengarah-Pengarah Jabatan PDRM, Ketua-Ketua Polis Negeri, Pegawai dan Anggota PDRM serta Kakitangan Awam yang turut memainkan peranan dalam pentadbiran PDRM.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian sijil penghargaan dan pengiktirafan kepada Urusetia dan Initiative Owner NKRA PDRM yang bertungkus lumus dan memberi sepenuh komitmen sehingga mencatat kejayaan kepada PDRM dengan pengurangan kadar indeks jenayah di Malaysia bagi tahun 2010 sebanyak 16%



dan kadar indeks jenayah jalanan berkurangan sebanyak 37%.



RM1,263 Derma Kilat Peserta Kursus Penilaian Kenaikan Pangkat SM ke SI Siri 4/2011

Oleh : SM Megat Nizar

Ulu Kinta, 19 Februari 2011 - "Kami bersepakat untuk mengadakan kutipan derma kilat. Ini adalah sumbangan ikhlas daripada peserta kursus. Kami berasa simpati dengan nasib yang menimpa rakan-rakan sepasukan kami".

"Sebanyak RM1263 berjaya dikutip daripada seramai 144 peserta kursus. Semoga dengan sumbangan tersebut sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban mereka".

Demikian ujar SM Megat Nizar, selaku Penghulu, Kursus Penilaian Kenaikan Pangkat Sarjan Mejar (SM) ke Sub Inspektor Siri 4/2011, ketika berucap di majlis penyerahan kutipan itu di Pusat Latihan Pasukan Gerakan Am, Ulu Kinta, Perak.

Hasil kutipan sebanyak RM1263 itu diserahkan oleh SM Megat Nizar kepada Supt. Burhanuddin Hj. Abdul Majid, Komandan Pusat Latihan Polis PGA (PLPGA), Ulu Kinta, Perak, untuk diserahkan kepada mangsa kebakaran di Bn. 8, PGA itu.

Turut hadir di majlis tersebut ialah DSP Ismail Jusoh, Timbalan Komandan PLPGA, Ulu Kinta dan ASP Zolkarnain Hj. Mohamad Ithnin, Fasilitator.

Kejadian kebakaran berlaku pada pagi 19 Februari 2011, melibatkan empat blok berek kelamin Batalion 8, Pasukan Gerakan Am (PGA), Pangkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan. Dalam kebakaran itu, 16 keluarga tinggal sehelai



sepinggang apabila berek tersebut hangus dijilat api.

Dalam kejadian itu, seramai 89 mangsa dikatakan sedang nyenyak tidur dan kebakaran menyebabkan 28 buah rumah papan hangus, namun tiada kemalangan jiwa.

"Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan peserta kursus yang mengambil langkah ke hadapan membuat kutipan kilat dan seterusnya kutipan tersebut tentunya sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh mangsa-mangsa kebakaran itu".

"Saya akan serahkan kutipan tersebut kepada Komander Briged Tenggara, Pasukan Gerakan Am, untuk diserahkan kepada mangsa-mangsa kebakaran", kata Supt. Burhanuddin Hj. Abdul Majid, yang kagum dengan inisiatif peserta-peserta kursus membantu rakan-rakan sepasukan yang menghadapi musibah.

PDRM Bersama Wartawan Muda



Bukit Aman, 2 Mac 2011 - Program Dialog Zamalah Wartawan Muda 1 Malaysia telah diadakan di Bilik Mesyuarat Menara 1, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

"Pengamal media digalakkan bersama-sama dengan pihak polis untuk merangsang dan mempengaruhi pemikiran masyarakat dalam memberikan kesedaran bagi mengekalkan keselamatan dan kesejahteraan negara," ujar Datuk Hussin Haji Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara.

Program seumpama ini meningkatkan pengetahuan kenegaraan di

kalangan wartawan dan mempertajamkan kemahiran kewartawanan. Ianya turut menggalakkan wartawan dalam mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap PDRM.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Press Institute (MPI), Dato' Chamil Wariya, Mantan Ketua Pengarah Dewan Bahasa Dan Pustaka, Dato' Firdaus Abdullah, DCP Dato' Hj. Ghazali Hj. Md. Amin, Setiausaha Polis Malaysia (SUPM), Pegawai-Pegawai Kanan PDRM dan peserta-peserta program tersebut.



Penyerahan Piano Oleh Duta Korea Kepada PDRM

Oleh: L/kpl Fansus bin Jangor

Bukit Aman - 13 Januari 2011, Polis Diraja Malaysia telah menerima 2 unit piano digital buatan Korea, TV LCD jenama Samsung dan cek bernilai RM 30,000 daripada Komuniti Perniagaan Korea Selatan di Malaysia. Sumbangan ini disampaikan oleh Mr Yong- Joon Lee, Duta Republik Korea kepada Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara sebagai penghargaan dan tanda terima kasih kepada PDRM dalam menjaga keselamatan negara terutama kepada rakyat Korea yang menetap di Malaysia.

Beliau yang mewakili seluruh warga PDRM menghargai sumbangan tersebut dan akan menggunakan sepenuhnya piano tersebut bagi kegunaan orkestra PDRM. Piano digital tersebut mengandungi pelbagai lagu Korea di dalam memorinya.

Duta Republik Korea Selatan, Mr Yong - Joon Lee semasa menyampaikan ucapannya berkata seluruh 20,000 rakyat Korea yang tinggal di Malaysia berterima kasih di atas usaha dan pengorbanan PDRM dalam menjaga keselamatan dan bantuan dari segi keselamatan warga Korea.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Deputy Inspektor Jeneral Datuk Hussin bin Hj. Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara, Pengarah-Pengarah PDRM, Pegawai-Pegawai Kanan, Anggota, Kakitangan Awam serta jemputan Media.



‘Meniti Usia Emas’

Oleh : L/kpl Fansus Jangor.



Bukit Aman - 19 Januari 2011, Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) Bukit Aman dengan kerjasama Masjid Bukit Aman telah menganjurkan Kursus Modul Keluarga Sakinah ‘Meniti Usia Emas’ di Dewan Serbaguna Masjid Bukit Aman.

Majlis berlangsung bermula seawal 7.30 pagi dengan pendaftaran peserta serta ketibaan pegawai, anggota dan kakitangan awam PDRM.

Turut hadir pada majlis tersebut DCP Dato’ Hj. Zamri Yahya, Timbalan

Pengarah E1 (M) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pentadbir, Masjid Bukit Aman seterusnya merasmikan kursus tersebut.

Berucap pada majlis tersebut, beliau berkata pelancaran ini bermakna PDRM seluruh Malaysia mempunyai modul kekeluargaan yang seragam bagi mengaplikasikan Modul Keluarga Sakinah iaitu sebuah modul lengkap berkaitan kekeluargaan bermula dengan persediaan keibubapaan sehinggalah ‘Husnul Khatimah’.



Bersama Memohon Keberkatan

Oleh : SM Megat Nizar



Bukit Aman, 24 Mac 2011 – Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri, bersama-sama warga Polis Diraja Malaysia (PDRM), membaca surah Yasin, bertahlil dan memohon restu daripada Allah S.W.T, pada Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat sempena Peringatan Hari Polis Ke-204.

Bacaan dipimpin oleh Supt. Hj. Ghazali Hj. Daud itu berlangsung di Masjid Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Turut hadir Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara dan Timbalannya, Deputi Inspektor Jeneral Datuk Hussin Hj. Ismail.

Hari ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyambut Peringatan Hari Polis Ke-204 yang bukan sahaja bermakna untuk seluruh warganya, tetapi juga buat Ketua Polis Negara yang baru lima bulan memegang jawatan nombor satu organisasi.

Dalam wawancara khas sempena sambutan

itu bersama wartawan Utusan Malaysia, Sharilfuddin Saari kira-kira sejam di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, KPN meluahkan harapannya untuk melihat PDRM agar terus menjadi sebuah agensi terulung dalam memelihara keamanan dan ketenteraman Negara.

Sempena hari penting buat warga pasukan itu, beliau juga mahukan seluruh anggota dan pegawainya agar menghayati sepenuhnya konsep 4P secara berintegriti dan menjayakan Pelan Strategik Lima Tahun PDRM 2011-2015 yang turut dilancarkan hari ini.



Brickfields, 1 April 2011 - Sempena Peringatan Hari Polis Ke-204, warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang beragama Hindu, telah mengadakan Majlis Keagamaan Hindu, di Kuil Sri Kandaswamy, Brickfields, Kuala Lumpur.

Acara dimulakan dengan upacara Sangu Abhishegam dan seterusnya Pooja yang disertai oleh pegawai, anggota dan juga masyarakat setempat.

Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara telah sudi meluangkan masa menghadiri Majlis Makan Malam yang diadakan di Dewan Utama Kuil Sri Kandaswamy itu.

Turut mengiringi hadir memeriahkan majlis, Datuk Seri Mohd Bakri Mohd Zinin, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Dato' Mohamad Fuzi bin Harun, Pengarah Pasukan Petugas Khas (Operasi/Counter Terrorism), Dato' Hj. Ghazali Hj. Md.

Tan Sri Hj. Ismail ke Kuil Sri Kandaswamy

Oleh : SM Megat Nizar

Amin, Setiausaha Polis (SUPM), Dato' Amar Singh s/o Ishar Singh, Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, ACP Ramli Mohamed Yoosuf, Penolong Pengarah Pengurusan (Perhubungan Awam) Bukit Aman dan ACP Wan Abdul Bari Wan Abdul Khalid, Ketua Polis Daerah Brickfields, Kuala Lumpur.

Manakala di antara pegawai tertinggi kaum India yang hadir terdiri daripada Dato' A. Paramasivam, Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Latihan/Peperiksaan), Bukit Aman, Dato' A. Thaveegan, Timbalan Ketua Polis Selangor dan ACP Dev Kumar, Ketua Penolong Pengarah (D6) Bantuan Teknik JSJ.

Diakhir majlis, para hadirin yang julung kali bersapa dan berada dekat dengan Tan Sri Hj. Ismail, selaku Ketua Polis Negara yang mereka kasihi, telah mengambil kesempatan untuk bergambar kenangan dan bersalam salaman.



Raja Dr. Nazrin Solat Jumaat Bersama Polis

Oleh : SM Megat Nizar

di Masjid Sallehin, Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur.

Keberangkatan tiba Raja Muda Perak itu disambut oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara bersama Deputi Inspektor Jeneral Datuk Hussin Hj. Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara dan SAC Zulkifli Mohamed, Komandan PULAPOL Kuala Lumpur

Duli Yang Teramat Mulia Tuanku telah berangkat ke Dewan Mesyuarat Utama, Mess Annex untuk mendengar taklimat berkenaan Struktur Organisasi PULAPOL Kuala Lumpur yang disampaikan oleh SAC Zulkifli Mohamed, Komandan PULAPOL Kuala Lumpur.

Sebelum berangkat pulang, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan,



Raja Nazrin Shah Ibtisam Sultan Azlan Muhibuddin Shah telah meluangkan masa, meninjau persekitaran PULAPOL Kuala Lumpur dan bergambar kenangan bersama barisan pucuk pimpinan tertinggi Polis Diraja Malaysia.



Kuala Lumpur, 7 Januari 2011 - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah Ibtisam Sultan Azlan Muhibuddin Shah, berkenan mencemar Duli menunaikan Solat Jumaat



Majlis Bacaan Yasin, Tahlil, dan Doa Selamat Bersama Pesara Polis

Oleh : L/Kpl Aslam Syir Khan

Pulapol, 10 Februari 2011 - Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara melahirkan rasa gembira dengan kehadiran para pesara PDRM termasuklah Mantan-mantan Ketua Polis Negara dalam Majlis Bacaan Yasin, Tahlil, dan Doa Selamat Bersama Pesara Pegawai / Anggota Polis yang diadakan di Masjid As-Salihin Pulapol Kuala Lumpur.

Majlis yang dihadiri lebih kurang 1500 orang tetamu itu turut disertai oleh mereka yang masih lagi berkhidmat dalam PDRM dan pesara polis. Termasuklah pegawai dan bekas pegawai polis yang bukan muslim di mana menunjukkan bahawa PDRM adalah sebagai 1 Pasukan dan seolah berpendirian bahawa 'Sekali Jadi Polis, Polis Selamanya', jelas Tan Sri Hj. Ismail.

Turut hadir dalam menyeronokkan majlis ini ialah Tan Sri Abu Zahar Dato' Nika Ujang, Yang di-Pertua Dewan Negara / Mantan Presiden Persatuan Bekas Polis Malaysia (PBPM) Ke-4, Datuk Hussin Hj. Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara, Pengarah-pengarah PDRM, Mantan-mantan Ketua Polis Negara, Pegawai Kanan dan anggota PDRM.

Jabatan Pengurusan 'ungguli' Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Bukit Aman

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan



Bukit Aman, 18 Februari 2011 - Jabatan Pengurusan Bukit Aman, menjuarai 2 kategori, iaitu Johan Keseluruhan dan Johan Perbarisan sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Bukit Aman.

Cawangan Khas, memenangi kategori Johan Selawat dan Johan Sepanduk Terbaik dimenangi Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDN/KA).

Perarakan Maulidur Rasul bermula dari Dataran Kawad Kompleks 4 Tingkat, Bukit Aman ke Masjid Bukit Aman yang diketuai oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj Omar, Ketua Polis Negara.

Sebanyak 9 kontinjen menyertai perarakan ini iaitu Urus Setia KPN, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Jabatan Pengurusan, Jabatan Logistik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDN/KA), Pasukan Petugas Khas (Operasi / Counter Terrorism), dan Cawangan Khas.

Perarakan didahului Kontinjen Urus Setia KPN, diiringi bacaan selawat yang dipimpin oleh Ustaz Hj. Hassan Al-Fadhli Abdul Rahman Al-Hafiz, Ketua Imam Masjid Bukit Aman.

Turut diadakan, Ceramah Perdana oleh Ustaz Hj. Mohd. Farid Ravi Abdullah, Pengarah Institut Kajian Hadis, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dengan tajuk "Rasulullah SAW- Contoh Terpuji".



Rombongan PDRM Berjemaah di Masjid Saidinah Hamzah, Kampung Batu Muda

Oleh : L/Kpl Aslam Syir Khan

Sentul, 21 Januari 2011 - **Ketua Polis Negara, Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar bersama Timbalannya Datuk Hussin Haji Ismail telah mengetuai rombongan PDRM ke Masjid Saidinah Hamzah, Kampung Batu Muda, Sentul bagi menunaikan solat fardhu Jumaat. Rombongan telah disambut oleh Pengerusi Masjid, Tuan Haji Talib Abd Rashid dan Timbalannya, Prof. Madya Dr. Fauzi Deraman serta Imam Satu, Tuan Hj. Ustaz Awang Mamat.**

Tan Sri Haji Ismail dalam ucapannya berkata, program seumpama ini adalah salah satu inisiatif PDRM mendekati masyarakat melalui institusi keagamaan. Beliau turut menjelaskan, segelintir penduduk masih lagi rasa tidak selamat walaupun indeks jenayah telah mencapai tahap penurunan

yang membanggakan. Sehubungan itu, beliau bersetuju masjid adalah antara tempat yang sesuai untuk masyarakat dan PDRM bekerjasama dalam menyelesaikan masalah.

Pengerusi Masjid, Tuan Hj. Talib Abd Rashid mewakili penduduk setempat meluahkan rasa terharu atas kesudian Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar dan warga PDRM yang sudi menunaikan solat berjemaah bersama penduduk setempat dan ucapan tahniah di atas penurunan kadar indeks jenayah.

Beliau turut memberi jaminan Jawatankuasa Masjid sedia bekerjasama dengan PDRM dalam program-program pencegahan jenayah di persekitaran setempat.

Turut hadir dalam rombongan tersebut, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, CP Dato' Mohd Bakri Mohd Zinin, Pengarah Jabatan

Siasatan Jenayah Narkotik, Dato' Noor Rashid Ibrahim, SUPM Dato' Hj. Ghazali Hj. Md Amin, Ketua Polis Kuala Lumpur, DCP Dato' Pahlawan Zulkifli Abdullah, dan Ketua Polis Daerah Sentul, ACP Zakaria Pagan.



Majlis Doa Selamat Sempena Meraikan Kepulangan Jemaah Haji PDRM 2010

Oleh : L/Kpl Aslam Syir Khan



Bukit Aman, 28 Disember 2010 - **Majlis Doa selamat sempena meraikan kepulangan Jemaah Haji PDRM 2010 dan Ceramah Perdana Maal Hijrah bersamaan 1432 Hijrah telah diadakan di Masjid Bukit Aman.**

Hadir di majlis tersebut ialah Puan Sri Hajjah Suriati Md. Sobri, Pengerusi PERKEP Malaysia dan Datin Nur Habibah Hatim, Naib Pengerusi PERKEP Malaysia bagi sama-sama menyertai aktiviti gotong-royong memasak bubur Asyura.

Penceramah bebas, Ustaz Mohd Fadzil Hj. Abu Kasim, Ketua Penolong Pengarah Pusat Ekonomi dan Keluarga Islam dari institut Latihan

Islam Malaysia (ILIM) telah menyampaikan ceramah bertajuk '1 Malaysia 1 Ummah'.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara dan Datuk Hussin Haji Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara.



Sembahyang Sikh Sempena Hari Polis Ke-204

Ke-204

Oleh : L/kpl Fansus Jangor



Kuala Lumpur - 3 April 2011, **Majlis Kesyukuran Warga Polis Kaum Sikh Sempena Peringatan Hari Polis Ke-204 Tahun telah diadakan di Gurdwara Sahab, Pulapol Kuala Lumpur.**

Turut hadir di majlis tersebut SAC Dato' Amar Singh s/o Ishar Singh, Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, Pegawai-Pegawai Kanan, Anggota serta Kakitangan Awam Polis Diraja Malaysia.



Majlis Serah Terima Tugas Pengerusi PERKEP Jabatan Pengurusan

Oleh : L/kpl Fansus Jangor

Bukit Aman – 19 Januari 2011, Majlis Serah Terima Tugas Pengerusi PERKEP Jabatan Pengurusan telah berlangsung di Auditorium Tingkat 16 Menara 2, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

CP Dato' Robiah Abd Ghani, Pengarah Pengurusan telah mengambil alih jawatan tersebut yang selama ini dipangku oleh Prof. Madaya Datin Dr. Fatimah Moosa, isteri kepada DCP Dato' Mortadza Nazarene, Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan) dengan disaksikan oleh Puan Sri Hajjah Suriati Hj. Md Sobri, Pengerusi PERKEP Malaysia yang juga isteri Tan Sri Haji Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh SAC Dato' Zaleha Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran) PDRM.



PERKEP Sematang Usianya

Oleh : Kpl. NoorIdia Mamun



Seri Kembangan, 23 Mac 2011 - "Saya ingin menyeru kepada semua ahli-ahli PERKEP supaya bersama-sama menyerapkan konsep 4P sebagai pedoman dalam melaksanakan aktiviti PERKEP selari dengan aspirasi Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara".

"Konsep 4P diinspirasi melalui elemen-elemen Pelindung (Protective), Proaktif (Proactive) dan Perkhidmatan Berorientasikan Masyarakat (People Oriented) merupakan elemen utama yang menghasilkan Pencapaian dan Keberhasilan (Performance and Outcome) yang juga perlu menjadi tonggak PERKEP."

Kini keahlian PERKEP melebihi 80,000 orang, Pengerusi PERKEP Malaysia amat bangga kerana ianya merupakan satu kejayaan kerana PERKEP terus ampuh dan relevan dalam konteks kemodenan terkini selaras dengan aspirasi serta sokongan memartabatkan peranan wanita dalam semua spektra kehidupan.

"Ungkapan *'Behind Every Successful Man, There Is Always A Wise*

Women' di mana PERKEP tetap akan sentiasa memberi sumbangan yang dapat meringankan beban kaum adam dalam PDRM supaya dapat memberi tumpuan untuk menjalankan kewajipan utama mereka menjaga ketenteraman, dan mengekalkan keamanan Negara".

"Melalui aktiviti berpersatuan dapat memberi peluang dan ruang kepada wanita, yakni isteri, anak-anak perempuan ataupun pegawai kanan dan pegawai rendah polis wanita dan menjadikannya satu saluran membawa sesuatu isu, kebajikan atau hal-hal lain kepada pucuk pimpinan PDRM, selain dijadikan platform pengerat silaturahmi di kalangan ahli-ahlinya".

"Pada 3 Ogos 2011, PERKEP akan menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke 43. PERKEP tetap terurus, terancang dan bermanfaat kepada PDRM serta Negara", ujar Puan Sri Hajjah Suriati.

Demikian kata Puan Sri Hajjah Suriati Md. Sobri, Pengerusi PERKEP Malaysia sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan PERKEP Malaysia Ke-39 di Hotel Palace Of Golden Horses, Seri Kembangan, Serdang.

"Saya bersama-sama pucuk pimpinan tertinggi PDRM akan terus menyokong sebarang aktiviti anjuran PERKEP. PERKEP sentiasa relevan dalam konteks membantu organisasi pasukan memantapkan prestasinya".

"Saya juga berharap PERKEP memberi perhatian kepada soal-soal kebajikan yang melibatkan kesihatan mental dan fizikal ahli keluarga pegawai dan anggota PDRM".

Demikian kata Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara, ketika berucap di majlis Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan PERKEP Malaysia ke-39, yang turut dihadiri oleh Deputy Inspektor Jeneral Datuk Hussin Hj. Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara bersama isteri, Datin Nur Habibah Hatim, Naib Pengerusi PERKEP Malaysia.



Juara Mr.Universe Kebanggaan PDRM

Oleh : L/Kpl Fansus Jangor.

Kuala Lumpur - 14 Januari 2011, Sebagai menghargai sumbangan dan komitmen yang ditunjukkan, PDRM dengan rasa bangga mengucapkan tahniah dan seterusnya menaikkan pangkat SM Sazali Samad kepada Sub Inspektor yang disempurnahkan oleh Ketua Polis Negara, Inspektor Jeneral Tan Sri Ismail Hj. Omar dengan turut disaksikan semua Pengarah Jabatan PDRM, Ketua-Ketua Polis Negeri, Pegawai-Pegawai Kanan, Anggota PDRM serta jempunan-jemputan khas di Padang Kawad Maktab PDRM Kuala Lumpur.

Usaha yang gigih, fokus dan restu keluarga menjadi kunci serta semangat untuk beliau terus mengharumkan nama PDRM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Beliau telah menjadi johan Mr. Malaysia sebanyak 4 kali, dinobatkan sebagai Mr. Asia sebanyak 3 kali, merangkul pingat emas sebanyak 4 kali di kejohanan *World Police And Fire Games* serta 6 rekod antarabangsa sebagai Mr. Universe.

Sekali lagi, Sazali Samad melakar sejarah apabila berjaya merangkul pingat emas di Kejohanan Sukan Pantai Muscat 2010 di Oman. Beliau juga menerima dan pengiktirafan sebagai Atlet Bina Badan Terbaik Abad Ke-20 oleh ABBF pada tahun 2000 dan menerima Pingat Kesatria Negara pada tahun 2007.



Sukan Golf Eratkan Hubungan Di Antara PDRM Dan Kedutaan Korea

Oleh : L/Kpl Aslam Syir Khan

Seri Kembangan, 12 Februari 2011 - Mines Golf City dikunjungi oleh Polis Diraja Malaysia dan Kedutaan Korea dalam perlawanan golf persahabatan yang dianjurkan oleh kedutaan Korea.

PDRM telah diketuai oleh Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara, Datuk Hussin Hj. Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara, CP Datuk Seri Mohd Bakri bin Mohd Zinin, Ketua Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, CP Dato' Mohd Fuzi Harun, Pasukan Petugas Khas (Operasi/Counter Terrorism) dan Pegawai Kanan Polis. Kedutaan Korea diwakili oleh Mr. Lee Yong Jun, Ketua Kedutaan Korea, Dato' Lee Sang Bae, Ketua Korean Chamber Of Commerce (KOCHAM) dan Lee Kwan Sun, Korea Association.

Pertandingan golf dibahagikan kepada enam kumpulan (*flight*), empat orang bagi setiap flight. Sebanyak 18 lubang yang akan dilalui oleh para pemain bagi memungut ranking mata tertinggi. Pertandingan di akhiri dengan makan tengah hari bersama dan penyampaian cenderamata kenangan.





Golf eratkan hubungan PDRM dan DRB-Hicom

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan

Shah Alam, 13 Mac 2011 - Julung kalinya, DRB-Hicom Berhad telah menganjurkan pertandingan Golf Persahabatan dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), di Glenmarie Golf & Country Club, Shah Alam, Selangor.

Pertandingan golf persahabatan itu dibahagikan kepada tiga belas kumpulan (*flight*), empat orang bagi setiap *flight*. Sebanyak 18 lubang yang akan dilalui oleh para pemain ini akan menggunakan mod permainan sistem '36' *Stable-ford points* untuk menentukan pemenang.

Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara, mengetuai PDRM sementara DRB-Hicom Berhad pula diketuai oleh

Dato' Lokman Ibrahim, Group Chief Financial Officer (CFO) DRB-Hicom.

Antara yang mewakili PDRM, Deputi Inspektor Jeneral Datuk Hussin Haji Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara, Dato Mohamad Fuzi Harun, Pengarah Pasukan Petugas Khas (Operasi/Counter Terrorism), Dato' Robiah Abdul Ghani, Pengarah Pengurusan, Dato' Hj. Ghazali Hj.Md. Amin, Setiausaha Polis Malaysia (SUPM), Dato' Acryl Sani Hj. Abdullah Sani, Timbalan Pengarah 1, JSJ dan Dato' Othman Harun, Timbalan Pengarah (Risikan/Operasi) JSJ Narkotik.

'Selain beriadah dapat menyihatkan badan melalui pertandingan golf yang dianjurkan. Di

samping itu kita dapat lebih mengenali antara satu dengan yang lain dan bermesra, seterusnya meningkatkan tali silaturrahim antara PDRM dan DRB-Hicom".

"Ianya juga merapatkan hubungan antara agensi-agensi kerajaan dan juga pihak swasta dan saya berharap agar kita boleh terus berkongsi kepakaran dan keupayaan kita, bekerja berganding tangan untuk menjadikan negara kita lebih baik dan sejahtera".

Demikian kata Tan Sri Hj. Ismail ketika berucap majlis makan malam, setelah tamatnya perlawanan persahabatan golf itu.



Mesyuarat Agung Tahunan Ke-23 Kelab Golf Titiwangsa PDRM

Oleh : L/Kpl Aslam Syir Khan

Kuala Lumpur, 27 Disember 2010 - Mesyuarat Agung tahunan Kelab Golf Titiwangsa telah berlangsung di Dewan Tun Hanif KGT/PDRM .

Mesyuarat telah dirasmikan oleh Datuk Hussin Hj. Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara merangkap Timbalan Presiden Ahli Jawatankuasa Induk dan Pengurusan Kelab Golf Titiwangsa .

Turut Hadir Dato' Robiah Abd. Ghani, Pengarah Pengurusan PDRM dan Dato' Wira Muhammad Sabtu Hj. Osman, Timbalan Pengarah KDN/KA (Kepolisian/Pencegahan Jenayah).

